

Kuala Lumpur: Belanjanan 2020 diharap memberi penekanan kepada pengurangan atau penghapusan cukai untuk pembelian kerusi keselamatan bayi.

Ini berikutan langkah kerajaan yang mewajibkan peraturan pemasangan kerusi keselamatan bayi dalam setiap kereta persendirian pada 2020.

Pengarah Eksekutif Safe Kids Malaysia Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Kulanthayan KC Mani berkata, tidak semua orang mampu membeli kerusi keselamatan bayi yang

harganya mahal.

“Saya sangat pasti ramai ibu bapa akan menarik nafas lega sekiranya dalam belanjawan kali ini dapat diselitkan mengenai pengurangan atau penghapusan terus cukai untuk membeli kerusi berkenaan.

“Apabila harga dikurangkan, lebih ramai orang mampu beli dan saranan kerajaan untuk setiap kereta persendirian memasang kerusi keselamatan



Dr Kulanthayan KC Mani

Hapus cukai beli kerusi keselamatan bayi



Saya sangat pasti ramai ibu bapa akan menarik nafas lega sekiranya dalam belanjawan kali ini dapat diselitkan mengenai pengurangan atau penghapusan terus cukai untuk membeli kerusi berkenaan”

bayi boleh dicapai,” katanya.

Sebelum ini, Menteri Pengangkutan Anthony Loke Siew Fook mengumumkan mengenai mewajibkan pemasangan kerusi keselamatan dan pihaknya mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan (MOF) agar tidak menge-nakan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) terhadap pembelian kerusi keselamatan bayi supaya harganya lebih murah.

Dr Kulanthayan berkata, jika tiada pengurangan harga, sambutan yang diterima mungkin kurang memuaskan.

“Tidak relevan untuk buat sesuatu yang mewajibkan, tetapi dalam masa sama membebankan orang ramai.

“Malah, mungkin kerajaan boleh memberi sedikit insentif kepada penge-luar industri tempatan mengenai kerusi bayi supaya kita tidak perlu lagi import dari luar sekali gus harganya menjadi murah,” katanya.